



## **TEKS UCAPAN**

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI  
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

## **SEMPENA**

**MAJLIS PERASMIAN PEJABAT TRIBUNAL BAGI ANTIGANGGUAN SEKSUAL  
(TAGS) DAN PELANCARAN SISTEM E-TAGS**

## **LOKASI / TARIKH / MASA**

**DEWAN SRIVIJAYA, MENARA ARAS RAYA, KUALA LUMPUR | 11 JUN 2026  
(SELASA) | 10.30 PAGI**

*Kemas kini 7 Jun 2026*

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

***Assalamualaikum Warahmatullahi***

***Wabarakatuh, Salam Sejahtera,***

***Salam Malaysia MADANI,***

**Terima kasih kepada Pengacara Majlis dan Pembaca Doa**

**[SALUTASI]**

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, kita semua dapat berhimpun pada hari ini sempena Majlis Perasmian Pejabat Tribunal bagi Antigangguan Seksual (TAGS) dan Pelancaran Sistem E-TAGS. Terlebih dahulu, saya ingin mengalu-alukan kehadiran semua pada majlis yang amat bermakna ini.

## **(B) TRIBUNAL BAGI ANTIGANGGUAN SEKSUAL DAN AKTA ANTIGANGGUAN SEKSUAL 2022 (AKTA 840)**

Hadirin yang dihormati sekalian,

2. Apabila kita menyebut perkataan “Gangguan Seksual”, ia selalu dikaitkan dengan perkataan lain seperti memalukan, menakutkan, mengaibkan, melampau dan mengganggu. Masyarakat kita lebih cenderung memendam dan menyembunyikan isu ini kerana menganggapnya bersifat sensitif. Ramai mangsa lebih rela mendiamkan diri daripada mengetengahkan isu ini ke muka pengadilan.

3. Mangsa takut untuk membuat laporan. Ada yang merasakan kes mereka tidak serius, atau tidak mampu melalui proses undang-undang yang panjang dan mahal. Ramai juga yang tidak tahu bahawa gangguan seksual bukan sahaja merangkumi gangguan lisan dan bukan lisan, tetapi turut meliputi gangguan visual, isyarat, dan yang paling teruk — secara fizikal.

4. Kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menegaskan bahawa gangguan seksual merupakan isu hak, keselamatan, dan kesejahteraan masyarakat dan ia bukan sekadar “gurauan” atau isu peribadi.

5. Justeru, Tribunal bagi Antigangguan Seksual atau dikenali sebagai TAGS telah ditubuhkan pada 8 Mac 2024 di bawah KPWKM, selaras dengan Seksyen 3 Akta Antigangguan Seksual 2022 (Akta 840). TAGS menyediakan satu saluran alternatif kepada mahkamah sivil bagi mendengar dan memutuskan aduan gangguan seksual yang berlaku di Malaysia pada atau selepas 8 Mac 2024.

6. Penubuhan Tribunal ini merupakan satu langkah penting dalam usaha untuk memperkukuhkan perlindungan terhadap mangsa gangguan seksual, serta mewujudkan masyarakat yang lebih selamat dan bermaruah.

7. Berdasarkan statistik aduan TAGS, dari tarikh penubuhannya pada 8 Mac 2024 sehingga 7 Jun 2026, sebanyak 99 aduan telah difailkan. Daripada jumlah tersebut, 80 aduan telah berjaya diselesaikan dalam tempoh 60 hari dari hari pertama pendengaran, manakala 19 aduan masih dalam proses pengurusan.

### **(C) KRONOLOGI PENUBUHAN TAGS**

Hadirin yang dihormati,

8. Akta Antigangguan Seksual 2022 (Akta 840) telah diwartakan pada 18 Oktober 2022 dan penguatkuasaan secara berperingkat telah bermula pada 28 Mac 2023 bagi peruntukan berkaitan pentadbiran dan kuasa membuat peraturan. Penguatkuasaan sepenuhnya Akta 840 bermula pada 8 Mac 2024, bersamaan dengan tarikh kuat kuasa Peraturan-Peraturan Antigangguan Seksual (Tribunal bagi Antigangguan Seksual) 2024.

9. TAGS telah memulakan operasi di Bangunan KPWK, Putrajaya pada Disember 2023. Walaupun berpejabat di Putrajaya, aduan telah diterima daripada seluruh Malaysia — dan pendengaran turut diadakan di luar Lembah Klang, termasuk di Sri Aman, Sarawak.
  
10. Untuk makluman para hadirin sekalian, TAGS telah melantik seramai 30 orang Anggota bagi membolehkan pendengaran aduan dilaksanakan. Semua pendengaran tersebut dijalankan secara tertutup sepenuhnya.

11. Selaras dengan Seksyen 20 Akta 840, sekiranya sesuatu aduan gangguan seksual berjaya dibuktikan berdasarkan imbangan kebarangkalian, TAGS akan mengeluarkan Award yang boleh mengandungi permintaan maaf rasmi, penyiaran permohonan maaf, pampasan sehingga RM250,000, dan/atau kewajipan menghadiri program yang bersesuaian.

12. Bagi memudahkan akses perkhidmatan kepada masyarakat, TAGS telah berpindah ke Menara Aras Raya, Kuala Lumpur pada 3 November 2025. Pendengaran pertama di lokasi baharu ini telah dilaksanakan pada 10 November 2025. Lokasi baharu ini lebih mudah diakses orang ramai melalui pelbagai laluan pengangkutan awam, seperti LRT Bandaraya.

13. Pejabat di Aras 26 ini dilengkapi kemudahan yang mesra mangsa, termasuk Bilik Saksi Kanak-Kanak — mencerminkan komitmen TAGS untuk memastikan pendengaran aduan berjalan dalam persekitaran yang selamat dan bermaruah.

## **(D) PELANCARAN SISTEM E-TAGS**

Hadirin yang dihormati,

14. Kini, TAGS mengorak satu langkah lebih jauh dengan memperkenalkan sistem e-TAGS yang mula digunakan pada 1 Januari 2026. E-TAGS ialah Sistem Pengurusan Aduan Secara Elektronik yang membantu proses pemfailan, pengurusan, pendengaran dan penyimpanan rekod aduan secara digital — lebih tersusun, cepat, mudah dan tanpa kertas. Sistem ini boleh diakses melalui [etags.kpwkm.gov.my](http://etags.kpwkm.gov.my). Pembayaran fi aduan juga kini boleh dibuat secara dalam talian melalui gerbang iPayment JANM.

## **(E) HARAPAN**

Hadirin yang dihormati sekalian,

15. Kita mahu setiap mangsa tampil membuat aduan tanpa rasa takut, malu, atau dipersalahkan — dan saya berharap TAGS akan menjadi platform yang berkesan, mudah diakses, dan diyakini rakyat dalam memberikan keadilan secara cepat, adil dan mesra.

16. Saya juga berharap tribunal ini dapat membina kesedaran bahawa gangguan seksual bukanlah perkara remeh — ia adalah perbuatan yang menjejaskan maruah, emosi, dan keselamatan seseorang. Kita ingin membentuk budaya sifar toleransi di tempat kerja, institusi pendidikan, mahupun ruang awam, dan memastikan setiap pihak bertanggungjawab atas tindakan mereka tanpa mengira pangkat atau kedudukan.

17. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Jabatan Pembangunan Wanita, Yayasan Kebajikan Negara, Jabatan Kebajikan Masyarakat serta Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara. Terima kasih atas kerjasama dalam menyokong pengoperasian TAGS, terutamanya dalam pelaksanaan advokasi antigangguan seksual, pelaksanaan perintah kaunseling, serta penyediaan lokasi pendengaran aduan di luar Lembah Klang.

18. Tidak dilupakan juga ucapan terima kasih kepada semua bahagian KPWKM yang telah bertungkus lumus menjayakan penubuhan Pejabat Tribunal ini.
  
19. Penghargaan turut diberikan kepada Institut Sosial Malaysia (ISM) atas kejayaan menerbitkan video pendek bertajuk “Langkah Berani” yang kita saksikan sebentar tadi. Penerbitan hasil kerjasama ISM dan TAGS ini diharapkan dapat disebar luas bagi mendorong lebih ramai mangsa untuk berani tampil membuat aduan.

20. Lebih membanggakan, semalam pada 10 Jun 2026, TAGS turut mencatat pencapaian penting apabila Mahkamah Tinggi mengekalkan Award atau Keputusan TAGS bertarikh 1 Ogos 2024. Keputusan ini mencerminkan keyakinan terhadap profesionalisme, ketelitian dan integriti TAGS dalam mengendalikan aduan secara bebas, adil dan berlandaskan undang-undang. Syabas dan tahniah kepada semua Anggota TAGS atas komitmen dalam memperkukuh akses kepada keadilan bagi mangsa gangguan seksual.

## **(F) PENUTUP**

21. Akhir kalam, saya berharap dengan adanya Pejabat Tribunal bagi Antigangguan Seksual dan Sistem Pengurusan Aduan Secara Elektronik ini akan menjadi pemangkin kepada perubahan budaya masyarakat Malaysia ke arah yang lebih menghormati hak, keselamatan, dan maruah setiap insan.

Dengan lafaz "Bismillahir Rahmanir Rahim", saya dengan sukacitanya merasmikan **PEJABAT TRIBUNAL BAGI ANTIGANGGUAN SEKSUAL (TAGS) DAN PELANCARAN SISTEM E-TAGS.**

Sekian, *Wabillahi taufiq walhidayah, Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI**  
**MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**  
**11 JUN 2026**